

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



PENGURUSAN RISIKO PERNIAGAAN DA KALANGAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) MELALUI INSURANS ATAU TAKAFUL PERNIAGAAN

Rosezhazni Abdul Ghani¹, A'tiqah Rashidah Abu Samah¹, Noor Malinjasari Ali¹,
dan Zuraida Mohamad¹

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu
*Koresponden: rosezhazni@uitm.edu.my

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kebiasaannya adalah lebih tinggi daripada KDNK Malaysia. Bagaimanapun, Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, sumbangan KDNK PKS jatuh kepada 38.2 peratus dengan nilai ditambah RM512.8 bilion, turun daripada 38.9 peratus (nilai ditambah: RM553.5 bilion) tahun sebelumnya. Ia berikutan krisis kewangan global yang dialami dunia ditambah dengan pandemik covid-19 menyebabkan PKS juga merasai kegawatan ini. Akibatnya banyak perusahaan, termasuklah PKS ditutup kerana tidak mampu mengekalkan perniagaan mereka. Sudah menjadi lumrah perniagaan, untung dan rugi adalah adat perniagaan. Namun begitu, kerugian yang disebabkan oleh sesuatu perkara di luar jangka boleh menyebabkan perniagaan yang dijalankan selama bertahun-tahun boleh lebur sekelip mata kerana terdedah kepada risiko luar kawalan disebabkan perniagaan mereka tidak mempunyai sebarang perlindungan.

Bukan hanya berdepan dengan masalah kewangan global, PKS juga tidak dapat mengelak berdepan dengan ancaman seperti banjir, kebakaran, kadar pertukaran yang sentiasa tidak menentu dan harga komoditi yang semakin meningkat. Sekiranya senario ini terjadi, risiko-risiko ini akan menjejaskan perniagaan terutamanya PKS baru bertapak yang malahan boleh memusnahkan kewangan perniagaan. Justeru itu, pengurusan risiko yang efisien amat diperlukan oleh PKS bagi mengurangkan kemungkinan risiko akan menjadi kenyataan dan, sekiranya ia berlaku, risiko ini dapat dihapuskan atau dikurangkan kesannya terhadap kewangan PKS.

Salah satu cara untuk mengurangkan atau menghapuskan kesan risiko ini kepada PKS adalah menerusi pengambilan insurans atau takaful yang bersesuaian dengan PKS. Insurans atau Takaful perniagaan ialah salah satu kaedah pengurusan risiko yang boleh digunakan oleh PKS bagi melindungi diri dan aset perniagaan mereka sekiranya berlaku kejadian yang tidak diduga. Walaupun ketidakpastian berkait untung dan rugi perniagaan, tidak boleh diinsuranskan, tetapi risiko tulen, seperti kemalangan, kecurian, bencana alam, atau kecacatan produk, boleh diinsuranskan (Knight 2012). Insurans dan takaful boleh mengubah ketidakpastian kepada risiko, dan dengan ketidakpastian ini boleh diuruskan dengan pengambilan insurans atau takaful yang bersesuaian.

Pengusaha PKS sebagaimana pemilik perniagaan yang lain memikul tanggungjawab untuk kesejahteraan pelbagai pihak, samada pekerja, pelanggan atau pun pihak masyarakat sekeliling. Namun begitu, kebarangkalian aktiviti perniagaan yang dijalankan berpotensi untuk menjejaskan pihak berkepentingan ini tanpa disengajakan. Contohnya pengusaha kedai makan dan restoran berkemungkinan akan menyebabkan pelanggan jatuh sakit selepas memakan salah satu menu daripada kedai makan. Tanpa insurans atau takaful perniagaan, pemilik perniagaan mereka perlu membayar sendiri untuk setiap ganti rugi yang mahal dan tuntutan undang-undang terhadap perniagaan mereka.

Menurut dapatan kajian yang dijalankan oleh Ismail, Othman, Yousop, Mat Din, Abu Bakar, Noh, & Shafi, (2013), tahap penerimaan takaful dalam kalangan usahawan mikro di Malaysia masih kurang kerana kurang kefahaman. Oleh itu, kesedaran tentang produk takaful yang bersesuaian dikalangan usahawan mikro adalah penting untuk membantu usahawan mikro mempelajari lebih lanjut tentang perlindungan risiko dan perkara yang boleh ditawarkan oleh takaful kepada mereka dalam mengurangkan risiko yang dihadapi dalam perniagaan.

Oleh itu, usahawan Malaysia, khususnya usahawan mikro, harus sedar akan kepentingan menginsuranskan perniagaan mereka. Matlamat menginsuranskan perniagaan adalah untuk memastikan bahawa setiap tragedi atau musibah yang terjadi tidak akan menyebabkan perniagaan atau syarikat gulung tikar, dan hasil pampasan insurans atau takaful boleh digunakan untuk membantu perniagaan dibina semula selepas sesuatu bencana berlaku. Dalam artikel ini, penulis akan menerangkan enam kebaikan mengambil insurans atau takaful perniagaan ini kepada pemilik perniagaan terutamanya PKS dan 'Start-Up Business'.

1. Menyediakan perlindungan insurans atau takaful terhadap bencana alam

Saban tahun, kerugian akibat bencana alam boleh berlaku. Sebagai contoh, banjir pada pertengahan Disember 2021, telah menjejaskan kebanyakan penduduk dan perniagaan disekitar Shah Alam, Klang, Hulu Langat dan sebahagian besar daerah di Pahang dan Negeri Sembilan. Senario ini dijangka akan menjadi lebih kerap pada tahun-tahun akan datang, berikutan peningkatan pertumbuhan penduduk dan pembangunan bandar yang tidak tersusun. Banjir bukan sahaja memusnahkan harta benda, inventori dan premis perniagaan, tetapi ia juga menghapuskan semua rekod transaksi perniagaan dan perakaunan. Melindungi inventori, bangunan dan perabot pejabat dengan insurans dan takaful mungkin membantu pengusaha pulih lebih cepat selepas mendapat bayaran balik daripada polisi insurans perniagaan. Pemilik perniagaan tidak perlu bergantung kepada kerajaan semata-mata bagi membantu memulihkan kembali perniagaan mereka. Bencana alam disini bukan hanya tertumpu pada masalah banjir tetapi juga taufan dan puting beliung, gempa bumi, tsunami, tanah runtuh, dan kemarau.

2. Menyediakan perlindungan insurans atau takaful untuk kecederaan dan kecacatan akibat kemalangan

Insurans dan takaful juga memberi perlindungan kepada pemilik dan pekerja-pekerja perniagaan mereka. Apabila pekerja mereka mengalami kemalangan di tempat kerja, atau salah seorang pekerja cedera semasa bekerja, atau mungkin pemilik sendiri menjadi tidak sihat dan memerlukan rawatan perubatan segera, kebanyakan syarikat menyediakan perlindungan insurans atau takaful sebagai sebahagian daripada pakej faedah pekerja mereka. Perlindungan insurans atau takaful untuk pekerja juga boleh menggalakkan mereka untuk bekerja lebih keras kerana mereka tahu mereka dihargai oleh syarikat.

3. Memastikan perniagaan anda berjalan lancar

Tidak kira seberapa keras pengusaha telah mencuba, mereka tidak boleh benar-benar yakin bahawa kemungkinan gangguan perniagaan dan kerugian berbangkit dapat dihindarkan. Contohnya salah satu kenderaan milik syarikat melanggar pejalan kaki, maka pihak syarikat perlu membayar untuk kerosakan yang disebabkan oleh pekerja berkenaan. Dengan memilih pelan insurans atau takaful perniagaan yang bersesuaian, ia dapat membantu menampung kos yang berkaitan dengan kerosakan harta benda dan tuntutan liabiliti terhadap perniagaan.

4. Ia menjimatkan kos

Sekiranya anda tidak mempunyai insurans atau takaful perniagaan, anda serta perniagaan anda akan terjejas sekiranya kejadian malang berlaku. Operasi perniagaan akan terganggu atau mungkin terhenti dan berkemungkinan banyak aktiviti-aktiviti lain akan terganggu, barang-barang tidak akan dihantar tepat pada masanya dan lebih-lebih lagi, pemilik perlu membayar setiap kerugian atau kerosakan dari poket mereka sendiri. Namun masalah ini dapat diatasi dengan hanya membayar sebahagian kecil premium insurans atau takaful yang dikenakan dan menikmati manfaat yang ditawarkan menjadikannya satu pelaburan yang sangat berbaloi. Tambahan pula, perbelanjaan membayar premium insurans atau takaful perniagaan dianggap sebagai perbelanjaan yang boleh ditolak cukai menjadikan ia satu perlindungan kritikal yang amat bernilai.

5. Ketidakpastian tentang masa depan perniagaan

Pemilik perniagaan sentiasa merasa bimbang tentang masa depan perniagaan mereka. Semakin tinggi tahap ketidakpastian yang dilalui sesebuah perniagaan, sedikit sebanyak ia boleh merencat perniagaan itu untuk mencipta impian yang meyakinkan di masa depan, menjadikannya lebih sukar untuk membuat keputusan bila melibatkan hal-hal yang kritikal dan penuh dengan kemungkinan di masa hadapan. Seharusnya, pemilik perniagaan tidak membiarkan ketidakpastian menghalang mereka daripada mencapai objektif yang telah mereka tetapkan. Oleh itu, mempertimbangkan untuk membeli insurans atau takaful perniagaan untuk menjaga keselamatan dan keutuhan perniagaan adalah perkara yang amat wajar sekali dan merupakan satu tindakan yang amat bijaksana.

6. Mewujudkan ketenangan fikiran kepada pemilik perniagaan

Apabila, pengusaha mengetahui bahawa perniagaan mereka dilindungi dengan baik ia membolehkan mereka menumpukan perhatian pada perkara lain yang lebih baik yang perlu lakukan. Objektif insurans atau takaful yang paling asas ialah untuk memberikan pemilik polisi insurans atau takaful 'mendapat ketenangan fikiran'. Dengan adanya polisi insurans atau takaful perniagaan mereka dilindungi daripada kehilangan harta benda dan bahaya lain yang boleh menghalang perkembangan dan kejayaan perniagaan mereka. Tanpa adanya masalah yang perlu difikirkan, pengusaha boleh menumpukan perhatian pada tugas yang lebih penting, seperti strategi untuk meningkatkan keuntungan perniagaan, meningkatkan produktiviti perniagaan, atau pada pembangunan perniagaan.

Sebagai kesimpulannya, menjalankan perniagaan bukanlah suatu tugas yang mudah. Apabila berdepan dengan situasi yang sukar, mempunyai perlindungan insurans atau takaful perniagaan adalah satu rahmat yang tidak terhingga. Perlindungan insurans atau takaful ini sangat diperlukan bagi membantu meneruskan kelangsungan operasi perniagaan selepas sesuatu musibah terjadi. Pemilik PKS juga tidak terlepas daripada melakukan kesilapan yang boleh menjejaskan kewangan perniagaan. Jika mereka terpaksa membayar untuk sesuatu kerosakan atau tuntutan liabiliti terhadap mereka, tanpa sebarang aliran tunai masuk, keutuhan kewangan perniagaan pasti akan terjejas. Justeru itu, memiliki insurans atau takaful perniagaan adalah satu kemestian yang tidak boleh dinafikan.

Rujukan

- [1] Ismail, N., Othman, A. A., Yousop, N. L. M., Mat Din, S. Z., Abu Bakar, N., Noh, M. K., & Shafi, R. M. (2013). A study of the awareness level of Takaful products among micro enterprises in Malaysia. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 9(11), 1535-1542.
- [2] Knight, Frank Hyneman. 2012. *Risk, Uncertainty and Profit*. General Books LLC.
- [3] Insurance for Entrepreneurs, Dimuat turun pada 29 Disember 2021 daripada <https://www.gunnmowery.com/news/insurance-for-entrepreneurs/>
- [4] 5 Sebab Kenapa Pemilik Start Up Wajar Lindungi Perniagaan Dengan Insurans, Dimuat turun pada 29 Disember 2021 daripada <https://www.axa.com.my/start-up-wajar-lindungi>
- [5] Are you Running a Business? Here are 6 Reasons why you Need Business Insurance, Dimuat turun pada 29 Disember 2021 daripada <https://www.policybazaar.com/corporate-insurance/articles/6-reasons-why-you-need-business-insurance/>

